

ADMINISTER IT RIGHT!

*Fariahah Hassan¹, Zarina Mohd Zain², Yus Aznita Ustad³, Asmidar Lokman⁴, Farah Adilla Abd Rahman⁵, Ahmad Faiz Yaakob⁶

¹²³⁴⁵⁶Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi (FSPPP) UiTM Seremban

*Corresponding author's email: fariahah49@uitm.edu.my

ABSTRAK

'Administer it Right' adalah produk berbentuk infografik dan nota serahan tugas bagi jawatan Ketua Pusat Pengajian (KPP) dan Koordinator Program (KP) di Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP). Jawatan pentadbir akademik merupakan jawatan pentadbiran yang bakal di pegang untuk satu jangkamasa selama dua tahun oleh mana-mana staf akademik yang dilantik dan ianya bukanlah jawatan tetap. Oleh kerana ianya merupakan jawatan yang dilantik untuk dua tahun, makanya pemegang jawatan bukan lah sentiasa staf yang sama. Disebabkan tiada satu garis panduan mahupun manual rujukan yang tersedia untuk rujukan pemegang jawatan pentadbir akademik yang baru, timbul kesukaran untuk memahami proses dan perjalanan skop kerja yang akhirnya membawa kepada berbagai cara kerja pentadbir akademik yang boleh mengelirukan. Oleh yang demikian, 'Administer it Right' dilihat berupaya memudahkan pentadbir akademik yang baru dilantik sebagai panduan selain dari buku panduan akademik dan Pekeliling sedia ada. Produk ini juga telah disokong oleh dapatan hasil kaji selidik yang dibuat ke atas beberapa mantan dan penjawat pentadbir akademik yang mana ianya membuktikan keperluan terhadap panduan prosedur dan tadbirurus pentadbiran akademik. Akhir kata, produk ini menyumbang kepada dokumen bertulis dengan kaedah rujukan yang mudah serta lengkap bagi kegunaan penjawat akademik FSPPP.

Keywords: FSPPP, Pentadbir akademik, nota serahan tugas, infografik

1. PENDAHULUAN

'Administer it Right' ialah satu rujukan yang berbentuk infografik dan nota serahan tugas yang digunakan oleh pentadbir akademik khususnya Ketua Pusat Pengajian Program (KPP) atau Koordinator Program (KP) bagi memastikan gerak kerja pentadbiran akademik berjalan dengan lancar. Secara umumnya proses gerak kerja perlu merujuk kepada Peraturan Akademik Diploma Dan Sarjana Muda UiTM Pindaan 2021 [Bilangan 1]. Dengan adanya infografik ini, ia dapat membantu memudahkan pemahaman pentadbir akademik terhadap proses-proses yang terlibat dengan lebih cepat dan efektif. Ini kerana jawatan pentadbir akademik ini ialah lantikan tidak kekal yang mana penjawat akan bertukar untuk jangkamasa dua tahun minimum atau empat tahun maksimum. Disamping itu juga, 'Administer it Right' dapat digunakan sebagai nota serah tugas yang wajib dibuat setiap kali berlakunya pertukaran pemegang jawatan pentadbir akademik.


2. METODOLOGI

Dalam menghasilkan produk ini, kami menyenaraikan tugas utama pentadbir akademik dengan merujuk kepada pekeliling akademik yang terbaru dan juga Peraturan Akademik Diploma Dan Sarjana Muda UiTM Pindaan 2021 (Bilangan 1). Kami memberi tumpuan proses gerak kerja pentadbir akademik kepada tiga bahagian utama iaitu sebelum semester bermula, semasa semester berlangsung dan hal ehwal peperiksaan. Kesemua maklumat ini telah disemak oleh Timbalan Dekan Akademik (TDA) FSPPP bagi memastikan ketepatan proses sebelum ditukar kepada bentuk infografik. Prosedur bagi kategori sebelum semester bermula dengan pengagihan Konteks Syarahan (KS) kepada pensyarah, unjuran kelas kepada KPP Servicing, penyediaan dan semakan jadual waktu. Manakala proses dan


prosedur yang terbabit semasa semester berlangsung ialah proses pendaftaran pelajar (lama dan baru), dengan merujuk kepada Sistem Maklumat Pelajar Bersepadu UiTM seperti proses pendaftaran pelajar individu, pengecualian/ pemindahan kredit dan penasihat akademik. Yang terakhir ialah proses dan prosedur selepas berakhirnya peperiksaan akhir iaitu proses validasi peperiksaan, penyediaan slide laporan peperiksaan Jawatankuasa Akademik Fakulti dan proses berkenaan dengan peperiksaan semula dan khas.

3. DAPATAN KAJIAN

Satu kajian atas talian telah dijalankan dikalangan pensyarah-pensyarah FSPPP dan kampus Seremban 3 yang sedang atau pernah memegang jawatan pentadbir akademik seperti Ketua Pusat Pengajian Koordinator Program dan Penyelaras program. Secara keseluruhan, terdapat seramai 21 responden dan majoriti terdiri daripada pentadbir akademik FSPPP yang telah mengisi google form yang telah diedarkan. Berikut merupakan maklumat demografi responden yang terlibat dalam kajian ini.



Gambarajah 1. Kategori Fakulti Responden.




Gambarajah 2. Kategori Jawatan Pentadbir Akademik.

Daripada kajian tersebut, ia memberi satu indikator bahawa gerak kerja pentadbiran akademik ini memerlukan perbincangan yang teliti dan bersiri. Selain itu, pentadbir akademik juga perlu merujuk kepada kepada pelbagai sumber dan panduan seperti pekeliling akademik HEA, Peraturan Akademik Diploma Dan Sarjana Muda UiTM Pindaan 2021 (Bilangan 1) dan juga rekod dalaman fakulti. Berikut merupakan hasil maklumbalas yang telah diberikan oleh respondent yang terlibat:

a) Sebelum semester bermula

Perancangan agihan KS dibuat dengan mendapatkan maklumat berkaitan tentang kursus dan jumlah KS pensyarah pada semester lepas.


21 responses



Perancangan anihan KS dibuat didalam beherana siri pertemuan disebabkan berlaku perubahan

KPP/KP mendapatkan maklumat unjuran pelajar dan menetapkan jumlah kumpulan pelajar


21 responses



b) Semasa semester berlangsung.


Taklimat akademik kepada pelajar baru dan lama diberikan pada awal semester

21 responses




Proses pendaftaran pelajar (baru dan lama) sentiasa dipantau dan dikemaskini

21 responses




KPP/KP memantau dan memastikan pelajar melakukan validasi kursus sebelum menduduki peperiksaan akhir.
 21 responses




c) Hal ehwal peperiksaan


Proses menganalisa keputusan peperiksaan akhir memerlukan masa yang lama.
 21 responses



Menyediakan laporan keputusan peperiksaan akhir bagi tujuan mesyuarat validasi peperiksaan .
 21 responses



Penyediaan slide pembentangan keputusan peperiksaan untuk mesyuarat validasi.
 21 responses



Rentetan daripada maklumbalas ini, ia jelas menunjukkan terdapat pelbagai proses dan gerak kerja yang perlu dilakukan oleh pentadbir akademik dalam sesuatu tempoh masa yang diberikan. Disebabkan jawatan ini bersifat sementara, tercetus idea untuk menghasilkan satu panduan piawai yang diterjemahkan dalam bentuk infografik yang jelas dan padat bagi memastikan proses urusan pentadbir akademik ini dapat berjalan dengan lancar dan memenuhi setiap peraturan akademik yang telah ditetapkan.

4. SUMBANGAN DAN PENGGUNAAN / PENGGOMERSIALAN

Hasil produk ini dapat membantu pentadbir akademik khususnya lantikan baru untuk menjalankan tugas dengan lebih teratur dan teliti. Ini kerana produk di dalam bentuk infografik lebih mudah untuk dicerna didalam masa yang lebih singkat. Himpunan prosedur piawai bagi ketiga-tiga proses pentadbiran sebelum, semasa dan selepas semester berjalan dapat memberi garis panduan yang jelas bagi penjawat pentadbir akademik program. Dalam masa yang sama, cawangan-cawangan FSPPP seperti di Kedah, Raub, Sabah, Sarawak dan Kelantan dapat menjadikan produk ini sebagai panduan untuk memastikan keseragaman terutamanya sekali ketika mentadbir di berlainan negeri.

5. PENUTUP

'Administer it Right' ini dihasilkan untuk membantu pentadbir akademik supaya dapat menjalankan tugas dengan teratur, tepat dan memenuhi peraturan akademik yang telah ditetapkan. kelebihan inovasi ini ia mudah difahami kerana himpunan prosedur yang terlibat diterjemahkan dalam bentuk infografik.

PENGHARGAAN

Kami ingin memberi penghargaan terhadap sokongan yang diberikan oleh pihak KPP/KP/PP terhadap projek ini. Begitu juga pihak pengurusan Fakulti Sains Pentadbiran dan pengajian Polisi (FSPPP) yang sentiasa memberi galakan terhadap penambahbaikan berterusan.

RUJUKAN

Pekeliling-Akademik-Bil-5-tahun-2017-Pelaksanaan-Amanah-Tugasan-Pensyarah-ATP-3.0-UiTM.pd.

Pekeliling Akademik Bil. 05 / 2021: Pelaksanaan Pendaftaran Pelajar Baharu Sesi II 2020 / 2021 Secara Dalam Talian Universiti Teknologi MARA

Polisi Pentaksiran dan Penilaian Akademik UiTM Pindaan 2021

Peraturan Akademik Diploma Dan Sarjana Muda UiTM Pindaan 2021 (Bilangan 1)